

# Peneroka akan nikmati faedah besar — Dr. Tan

UM 22 SEP 2003

**K**UALA TERENGGANU 21 Sept. — Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi yakin penyenaian Felda dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kelak memberi manfaat yang besar kepada golongan peneroka keseluruhannya.

Timbalan Menteri, Dr. Tan Kee Kwong, berkata cadangan awal telah dikemukakan lima tahun lalu bagi penyenaian, tetap kerajaan menolak ketika itu kerana dilihat lebih memberi manfaat kepada pihak tertentu.

Katanya, pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sewak-

tu membentangkan bajet baru-baru ini merupakan satu langkah jangka panjang yang turut membantu meningkatkan pasaran modal negara.

Katanya, persetujuan kerajaan kali ini setelah mengambil kira kepentingan masyarakat peneroka keseluruhan ketika Felda berada pada kedudukan terbaik dari segi pengurusan, potensi dan asetnya.

"Pada masa ini Felda mempunyai aset kira-kira RM6 bilion manakala wang tunai dalam bank kira-kira RM2.5 bilion," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Anugerah Kualiti Koperasi

peringkat negeri Terengganu 2003 di Primula Beach Resort di sini, hari ini.

Menurut Dr. Kee Kwong, sehingga kini Felda mempunyai tanah kira-kira 800,000 hektar dan daripada jumlah itu 354,000 hektar adalah tanah milik Felda Plantation dengan bilangan peneroka sebanyak 105,000 keluarga.

Bagaimanapun beliau menasihatkan peneroka su-paya berusaha mengelak meminjam untuk membeli saham yang ditawarkan kelak kecuali menggunakan wang simpanan sendiri.

Terdahulu ketika berucap di majlis itu beliau berkata, koperasi merupa-

kan satu institusi yang penting dalam proses pembangunan negara.

Sehubungan itu katanya, gerakan koperasi perlu mempunyai ketahanannya sendiri melalui pengurusan yang cekap dan dinamik.

Kata Dr. Kwee Kwong, sebahagian besar rakyat negara ini adalah anggota dalam koperasi dan mereka meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada pemimpin-pemimpin koperasi.

Pada majlis itu, Koperasi Kerajaan Terengganu (Kokita) Berhad menerima Anugerah Kualiti Utama dengan menerima wang tunai RM1,000, sijil dan hadiah iringan yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Malaysia.